

Kerajaan terima empat tawaran ambil alih syarikat penerbangan negara

Cari penyelamat sebenar MAS

Oleh NOR IDAYU BOSRO

KOSMO 10/11/2014 M/S 07

PUTRAJAYA

Usaha kerajaan untuk memulihkan kewangan Malaysia Airlines (MAS) mula menunjukkan perkembangan positif apabila menerima sebanyak empat tawaran daripada syarikat-syarikat yang berminat untuk mengambil alih syarikat penerbangan negara itu.



DR. MAHATHIR

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bagaimanapun berkata, kerajaan perlu meneliti kesemua tawaran pengambilalihan yang dikemukakan tersebut dan setakat ini belum ada sebarang keputusan dibuat mengenainya.

Beliau berkata, sebarang tawaran perlu disemak dan diteliti secara berhati-hati kerana strategi pemulihan MAS sebelum ini dianggap tidak berjaya.

“Tiada keputusan, hanya orang buat tawaran. Ada yang mahu beli, ada yang mahu urus sahaja dan kita sedang mengkaji cadangan-cadangan ini. Setakat ini ada empat ca-



SYARIKAT Penerbangan MAS perlu dibantu dari segi kewangan bagi mengelakkan operasi dan kakitangannya terjejas.

dangan (yang diterima).

“Kerajaan perlu mengkajinya dengan teliti, sebab kita dah tukar banyak kali tetapi tak jadi,” katanya ketika ditemui pada Majlis Penutup Persidangan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional 2019 di sini semalam.

Dr. Mahathir berkata demikian bagi mengulas pertemuan beliau dengan pengasas bersama Kumpulan AirAsia Bhd., Datuk Pahamin Ab. Ra-

jab bersama empat usahawan lain pada 3 Julai lalu untuk membincangkan rancangan membantu kerajaan memulihkan MAS.

Dalam pertemuan itu, Pahamin dan rakan usahawannya yang lain dilaporkan meletakkan sasaran tempoh 18 bulan untuk membantu kerajaan memulihkan MAS selain menjanjikan tiada pembuangan pekerja.

Mengulas lanjut, Dr. Ma-

INFO

Untung rugi MAS

- **1998** - Rugi RM256.6 juta selepas kegawatan ekonomi pada 1997
- **2000** - Rugi RM255.7 juta
- **2001** - Rugi RM836 juta
- **2005** - Rugi RM1.3 bilion
- **2006** - Rugi RM133 juta
- **2007** - Untung RM852 juta
- **2009** - Untung RM522 juta
- **2011** - Rugi RM2.5 bilion
- **2012** - Untung RM51.4 juta
- **2013** - Rugi RM1.16 bilion
- **2014** - Pemilikan penuh MAS diambil alih oleh Khazanah
- **2015** - Khazanah menukar nama MAS kepada Malaysia Airlines Bhd

Sumber: Penyelidikan Kosmo!

hathir memberitahu, banyak syarikat tempatan yang telah menghantar cadangan namun kerajaan perlu mencari pihak yang mempunyai pengalaman dalam usaha menyelamatkan MAS.

“Kebanyakan syarikat tempatan. Sebelum ini pun banyak orang yang telah dilantik tetapi semua buktikan mereka tidak mampu,” katanya.

INFO

Kronologi kemelut MAS



1997-2004

● MAS mencatatkan kerugian sejak 1997 hingga 2004 sehingga memaksa syarikat penerbangan tersebut menghentikan operasi di beberapa laluan penerbangan seperti Brussels, Darwin, Madrid, Munich dan Vancouver

2005

● Kerajaan melantik Datuk Seri Idris Jala sebagai Ketua Pegawai Operasi (CEO) MAS

2006

● MAS melancarkan Pelan Pemulihan 1 bagi mengatasi kerugian

2007

● MAS kembali mencatat keuntungan RM852 juta

2009

● Tengku Datuk Azmil Zahrudin ambil alih jawatan CEO MAS

2011

● MAS melantik Ahmad Jauhari Yahya sebagai CEO yang melaksanakan inisiatif menghentikan kerugian dengan rasionalisasi laluan

2012

● MAS mencatatkan keuntungan sebanyak RM51.4 juta berikutan rasionalisasi laluan

2014

● Mengalami dua tragedi apabila pesawat MH370 hilang semasa dalam penerbangan ke Beijing, China manakala MH17 terhempas selepas ditembak di timur Ukraine
● MAS diambil alih oleh Khazanah

Kekalkan identiti penerbangan premium

KUALA LUMPUR - Malaysia Airlines (MAS) perlu mengekalkan identiti penerbangan premium negara selepas mendapat pengurusan baharu menerusi tawaran pengambilalihan yang dicadangkan kepada kerajaan.

Menurut Pensyarah Kanan Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia, Mohamad Noorizuddin Nooh, kumpulan itu perlu meletakkan sasaran yang jelas dan holistik sebagai langkah pemulihan syarikat penerba-

ngan tersebut.

Katanya, nasib dan kebajikan pekerja MAS juga perlu dibela dan memastikan mereka tidak kehilangan pekerjaan.

"MAS perlu berusaha untuk memastikan syarikat penerbangan tersebut pulih seperti sedia kala.

"Strategi lain yang akan dilaksanakan adalah meyakinkan dan beri semangat kepada pekerja di samping meyakinkan akan memberi manfaat kepada syarikat dan pemegang saham," katanya ketika

dihubungi *Kosmo!* semalam.

Dalam pada itu, Noorizuddin berkata, MAS perlu merancang laluan penerbangan yang lebih strategik selepas ini.

"Krisis kepimpinan merupakan masalah utama MAS ketika ini sekali gus menjejaskan produktiviti pekerja.

"Selain itu, MAS juga perlu menjadikan syarikat penerbangan luar negara yang pernah berdepan situasi sama sebagai rujukan untuk merangka strategi pemulihan," ujarnya.

2015

● Christoph Mueller dilantik sebagai CEO

2016

● Mueller melepaskan jawatannya dan digantikan dengan Peter Bellew

2017

● Bellew melepaskan jawatan
● Kapten Izham Ismail dilantik sebagai Pengarah Eksekutif MAS dan CEO

2018

● Bekas CEO MAS, Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman menggesa kerajaan menubuhkan kumpulan pakar bagi mengkaji operasi MAS

2019

● Khazanah Nasional mengalami kemerosotan perolehan bernilai RM7.3billion dengan sebahagian besarnya disumbangkan oleh MAS.